

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalammualaikum wbt dan salam sejahtera

Terima kasih pengaca majlis

(Salutasi-JPP "MOHON SEDIAKAN")

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih kepada pihak JPP di atas usaha mengadakan majlis ini sekaligus menjadi penyelaras kempen jimat penggunaan utiliti. Objektif kempen adalah untuk mensasarkan 10 peratus penjimatan selaras dengan kehendak kementerian pengajian tinggi.

Bertitik tolak daripada majlis yang dilancarkan pada hari ini maka Kempen ini akan dijadikan sebagai acara tahunan Universiti dengan matlamat untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan penglibatan warga Universiti untuk berjimat dan menjadi pengguna yang cekap.

Tema Kempen ialah "Pengguna Bijak Jimat Tenaga", dimana fokus utama Kempen ini terarah kepada mendidik dan mendedahkan warga Universiti kepada aspek kecekapan dan penjimatan utiliti. Pengguna yang bijak mengamalkan penggunaan 'Lestari'. Ciri-ciri utama penggunaan lestari ialah menjimatkan penggunaan sumber seperti air dan tenaga.

Bagi memastikan objektif kempen tercapai, maka pihak Universiti telah mengaturkan pelbagai aktiviti seperti menampal poster, pertandingan melukis poster dan Pertandingan Penjimatan utiliti Di Antara Bangunan.

Warga Universiti akan mendapat maklumat-maklumat terkini berkaitan amalan penjimatan utiliti menerusi terbitan buletin penjimatan utiliti. Disamping itu mesyuarat pemantauan bulanan akan diadakan bagi menjadi platform perbincangan di antara Pengurus Utiliti Bangunan, JPP dan Pengurus Tenaga bertauliah. Selain itu, ceramah Pengurus Tenaga Bertauliah yang termasuk dalam aturcara hari ini turut menyemarakkan lagi kempen penjimatan utiliti yang diadakan..

Saya percaya semua aktiviti yang diatur seperti menampal poster, pertandingan melukis poster dan Pertandingan Penjimatan utiliti Di Antara Bangunan akan memberi manfaat dan pengetahuan kepada

semua

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,
Saya difahamkan bahawa di pihak JPP, pelbagai langkah telah diambil
bagi penggunaan tenaga utiliti yang lebih efisien seperti penukaran
jenis lampu kepada Lampu Jimat Tenaga, Penyelenggaraan berjadual
aset-aset Sistem M&E untuk operasi lebih optimum, pelantikan
Pengurus Tenaga bertauliah bagi memantau penggunaan utiliti
Universiti, dan penjadualan penghawa dingin berpusat dengan efektif.

Semua usaha yang dilakukan itu merupakan pendekatan teknikal yang sangat signifikan. Kini, adalah masanya untuk warga Universiti lainnya turut bersama dan bekerjasama menjayakan kempen ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada JPP, dan jabatan lain yang terlibat serta pihak Asli Jati Engineering yang telah berganding bahu bekerjasama untuk menganjurkan Kempen ini dengan jayanya.

Bagi memastikan matlamat penganjuran kempen Penjimatan Utiliti ini tercapai, saya juga ingin menyeru penglibatan dan sokongan aktif semua pihak untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang pada sepanjang tahun Kempen ini berlangsung.

Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran kempen penjimatan Utiliti UMS 2008.

Sekian. Terimakasih.